



## SIARAN MEDIA

### PERANGKAAN PERDAGANGAN LUAR MALAYSIA

#### **PRESTASI PERDAGANGAN LUAR BAGI TAHUN 2014 DAN BULAN DISEMBER 2014<sup>#</sup>**

##### **A. PRESTASI TAHUN 2014**

Pertumbuhan eksport Malaysia yang kukuh dan melepas jangkaan telah menyokong perdagangan Malaysia pada tahun 2014 untuk terus menunjukkan arah aliran meningkat dengan kenaikan sebanyak 5.9% kepada RM1.45 trilion, berbanding RM1.37 trilion pada 2013.

Rakan dagang utama yang menyumbang kepada pertumbuhan dalam perdagangan ini ialah:

- i. ASEAN, mengembang RM14.54 bilion atau 3.9%;
- ii. Kesatuan Eropah (EU), RM8.35 bilion atau ↑6.2%;
- iii. Amerika Syarikat (AS), RM8.01 bilion atau ↑7.4%;
- iv. Australia, RM7.48 bilion atau ↑16.4%;
- v. Hong Kong, RM6.05 bilion atau ↑14.5%;
- vi. Taiwan, RM5.94 bilion atau ↑11.2%; dan
- vii. Republik Rakyat China (RRC), RM4.54 bilion atau ↑2.2%.

Eksport 2014 meningkat 6.4% atau RM46.14 bilion kepada RM766.13 bilion, melepas unjuran 6% di dalam Laporan Ekonomi 2014/2015.

Import meningkat 5.3% atau RM34.32 bilion kepada RM683.02 bilion. Pertumbuhan eksport yang kukuh menghasilkan lebihan dagangan sebanyak RM83.11 bilion, merupakan lebihan dagangan yang ke-17 tahun berturut-turut dicatatkan. Lebihan dagangan tahun 2014 mencatatkan pertumbuhan dua digit iaitu sebanyak 16.6%, merupakan satu pencapaian yang memberangsangkan berbanding pertumbuhan negatif yang dicatatkan pada tahun 2012 (-22.8%) dan 2013 (-25.7%).

**Penyumbang utama kepada prestasi ini termasuk:-**

- Peningkatan eksport yang kukuh hampir ke semua negara-negara ASEAN;
- Pengembangan eksport disokong oleh permintaan yang tinggi terhadap barang perkilangan, khasnya barang elektrik dan elektronik (E&E), dan permintaan yang berterusan untuk komoditi;
- Pemulihan dalam pasaran-pasaran utama seperti AS dan Jepun;
- Eksport ke RRC yang masih kukuh kecuali bagi barang komoditi seperti minyak kelapa sawit dan getah. Eksport yang tinggi dicatatkan bagi barang E&E ( $\uparrow$ RM2.81 bilion), keluaran petroleum ( $\uparrow$ RM685.2 juta), kelengkapan pengangkutan ( $\uparrow$ RM242.6 juta) serta barang optik dan saintifik ( $\uparrow$ RM299.5 juta);
- Permintaan yang menggalakkan daripada pasaran baru di benua Afrika, Asia Tengah serta Asia Selatan; dan
- Peningkatan import barang pengantara sebanyak 7.6%, merupakan penyokong kepada eksport barang perkilangan yang merangkumi 76.7% daripada jumlah eksport.

16 pasaran yang mencatatkan peningkatan eksport melebihi RM1 bilion adalah Singapura, AS, India, Hong Kong, Australia, Jepun, Taiwan, Belanda, Filipina,

Republik Korea (ROK), Kenya, Jerman, Norway, Mexico, United Kingdom dan Vietnam. Negara-negara ini menyumbang 64.7% kepada jumlah eksport negara.

### **Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA)**

Perdagangan dengan rakan dagang di bawah FTA telah mencatatkan pertumbuhan sebanyak 3.9% kepada RM906.6 bilion dengan eksport mengembang 4.7% kepada RM491.35 bilion manakala import meningkat 2.9% kepada RM415.25 bilion. Kenaikan eksport ke negara FTA disumbangkan oleh peningkatan eksport gas asli cecair (LNG), keluaran petroleum, barang E&E, petroleum mentah serta kimia dan bahan kimia. Negara-negara di bawah FTA menyumbang 64.1% kepada jumlah eksport Malaysia pada 2014. Dianggarkan hampir 49% daripada eksport ke negara-negara FTA adalah melalui akses keutamaan.

### **ASEAN – Hampir Semua Pasaran Merekodkan Pertumbuhan Eksport**

ASEAN kekal sebagai rakan dagang negara yang penting dan strategik, menyumbang 26.8% kepada jumlah perdagangan Malaysia pada 2014, bernilai RM389.03 bilion dengan peningkatan sebanyak 3.9% berbanding tahun 2013. Eksport ke ASEAN meningkat 5.9% kepada RM213.58 bilion, didorong oleh pemulihian keadaan ekonomi dan pelaburan, pertambahan golongan berpendapatan sederhana serta langkah pembangunan dan pembaharuan yang diambil oleh negara-negara anggota ASEAN. Pertumbuhan pelaburan merentasi sempadan (*cross border investments*) telah mengukuhkan rangkaian antara industri dan urusniaga antara syarikat di mana ia memberi kesan yang positif kepada perdagangan antara ASEAN.

Pada 2014, eksport ke semua pasaran ASEAN mencatatkan peningkatan kecuali Indonesia. Eksport ke Indonesia menurun 4.1% atau RM1.35 bilion disebabkan oleh pengurangan eksport keluaran petroleum ditapis yang mengurang sebanyak RM1.15 bilion.

Peningkatan eksport ke ASEAN disumbangkan terutamanya oleh kenaikan eksport keluaran petroleum, petroleum mentah, kimia dan bahan kimia, minyak sawit (minyak sawit mentah; *fractionated palm oil*; isirong, olein dan stearin minyak sawit), barang optik dan saintifik serta barang E&E.

Import dari ASEAN meningkat 1.5% kepada RM175.45 bilion. Import utama dari ASEAN ialah keluaran petroleum, barang E&E serta kimia dan bahan kimia.

### **RRC – Rakan Dagang Terbesar Bagi Enam Tahun Berturut-turut**

**RRC** kekal sebagai rakan dagang terbesar Malaysia untuk enam tahun berturut-turut sejak 2009. Perdagangan dengan RRC meningkat 2.2% kepada RM207.85 bilion.

Eksport barang E&E ke RRC meningkat 7% atau RM2.81 bilion kepada RM43.08 bilion dimana ia merupakan destinasi utama untuk pembuatan telefon pintar dan *handheld devices*. Sumbangan eksport E&E ke RRC berkembang daripada 41.5% kepada 46.6% pada tahun 2014. Eksport barang E&E terutamanya litar bersepdu elektronik, keluaran petroleum serta barang optik dan saintifik, terutamanya osiloskop dan osilograf serta kelengkapan dan peralatan direka khas untuk telekomunikasi mencatatkan peningkatan.

Walau bagaimanapun, aktiviti perkilangan yang perlahan di RRC menyebabkan eksport barang lain turut merosot seperti barang perkilangan logam dan getah asli mentah. Eksport minyak sawit menurun 16.2% kepada RM7.68 bilion daripada RM9.17 bilion.

Perubahan struktur dan pembaharuan di RRC telah memberi kesan kepada eksport barang tertentu. Sehubungan dengan itu, strategi untuk meningkatkan eksport Malaysia ke RRC sedang dirangka selaras dengan perubahan semasa di China.

RRC terus menjadi sumber terbesar import bagi Malaysia, meningkat 8.7% kepada RM115.5 bilion. Sebanyak 41.6% daripada import dari RRC ialah barang E&E

manakala 46.6% daripada eksport Malaysia ke RRC juga adalah barang yang sama. Ini menunjukkan integrasi dalam rantaian bekalan di antara kedua-dua Negara.

### **Jepun – Eksport Meningkat Sebanyak 4.4%**

Eksport ke Jepun meningkat 4.4% kepada RM82.71 bilion berbanding penurunan 5% yang dicatatkan pada tahun 2013, didorong oleh perkembangan aktiviti perkilangan di Jepun. Import menurun 2.9% kepada RM54.75 bilion. Jumlah perdagangan meningkat 1.4% kepada RM137.45 bilion daripada RM135.56 bilion pada tahun 2013.

Eksport barangan perkilangan meningkat 6.2% atau RM2.07 bilion dengan peningkatan tertinggi adalah barang E&E, barangan perkilangan logam, kimia dan bahan kimia, barangan perkilangan plastik serta barangan optik dan saintifik. Pertumbuhan eksport yang kukuh dicatatkan untuk litar bersepadu elektronik, alat penerima siaran televisyen, semikonduktor fotosensitif serta alat ganti pesawat, hasil daripada pelaburan Jepun di Malaysia.

Import utama dari Jepun ialah barangan E&E, jentera, perkakasan dan peralatan serta kelengkapan pengangkutan, terutamanya kenderaan penumpang bermotor serta alat ganti dan komponen automotif.

### **EU - Pertumbuhan Kukuh Eksport**

Eksport yang kukuh ke beberapa pasaran ekonomi di EU mendorong kepada peningkatan perdagangan sebanyak 6.2% kepada RM143.98 bilion. Eksport ke EU mencatatkan pertumbuhan dua angka sebanyak 11.6% kepada RM72.84 bilion berikutan aktiviti ekonomi mula berkembang di beberapa negara di rantau ini. Syer eksport ke EU meningkat daripada 9.1% kepada 9.5%.

Pasaran yang mencatatkan peningkatan eksport adalah:

- Belanda, meningkat RM2.72 bilion;
- Jerman, ↑RM1.35 bilion;

- United Kingdom, ↑RM1.07 bilion;
- Belgium, ↑RM763.5 juta; dan
- Poland, ↑RM546.1 juta.

Pemacu utama peningkatan eksport ke EU adalah barang E&E, terutamanya litar bersepadu elektronik. Peningkatan penggunaan serta pemulihan dalam eksport telah menggalakkan permintaan terhadap barang pengantara di Jerman manakala penggunaan peralatan pintar yang semakin popular telah meningkatkan permintaan bagi komponen dan alat ganti E&E di EU.

Barangan lain yang turut mencatatkan peningkatan ketara eksport ke EU adalah minyak sawit, kimia dan bahan kimia, barangan optik dan saintifik, jentera, perkakasan dan peralatan, kelengkapan pengangkutan, tekstil, pakaian dan kasut serta barangan perkilangan logam.

Import dari EU meningkat 1.1% kepada RM71.14 bilion. Barang import utama adalah barang E&E, kelengkapan pengangkutan serta jentera, perkakasan dan peralatan.

### **AS - Pertumbuhan Kukuh Bagi Barangan Perkilangan**

Peningkatan kuasa pembeli dan perkembangan pasaran buruh telah menaikkan permintaan domestik di AS terhadap barangan perkilangan di negara tersebut. Eksport ke AS telah mencatatkan pertumbuhan dua angka sebanyak 11% kepada RM64.41 billion, manakala import meningkat 3.3% kepada RM52.33 billion menghasilkan Jumlah perdagangan sebanyak RM116.75 bilion, meningkat 7.4% berbanding tahun lalu.

Eksport barang E&E ke AS meningkat 11.2% atau RM3.68 bilion pada 2014. Peningkatan ini disumbangkan terutamanya oleh kenaikan eksport alatan pemancar atau penerima suara, imej dan data serta litar bersepadu elektronik yang diperlukan untuk industri elektronik pengguna, termasuk telefon pintar, tablet komputer, televisyen serta kelengkapan audio dan visual. Persatuan Persatuan Barangan Elektronik Pengguna Amerika Syarikat mengunjurkan jualan peralatan elektronik

pengguna di AS akan mengembang sebanyak 3% pada tahun 2015, kepada USD223 bilion. Barang lain yang turut mencatatkan peningkatan ketara dalam eksport adalah kimia dan bahan kimia, barang optik dan saintifik, jentera, perkakasan dan peralatan, makanan laut sejukbeku serta tekstil, pakaian dan kasut.

### **India – Pasaran Eksport Ke-8 Terbesar**

Pada 2014, **India** merupakan pasaran eksport ke-8 terbesar di Malaysia, meningkat daripada kedudukan ke-10 pada tahun 2013. Eksport ke negara ini meningkat 23.9% atau RM6.16 bilion kepada RM31.9 bilion, dengan eksport barang yang meningkat adalah minyak sawit ( $\uparrow$ RM2.33 bilion), petroleum mentah ( $\uparrow$ RM1.82 bilion) serta kimia dan bahan kimia ( $\uparrow$ RM536.5 juta). Barang lain yang mencatatkan peningkatan ialah perabot, tekstil, pakaian dan kasut serta barang makanan diproses. Jumlah perdagangan dengan India meningkat 7.5% kepada RM45.24 bilion.

### **Eksport ke Afrika Terus Meningkat**

Dengan peningkatan inisiatif-inisiatif promosi, eksport ke Afrika meningkat 11% kepada RM19.47 bilion. Pasaran dengan pertumbuhan eksport ketara adalah:

- Kenya, meningkat RM1.54 bilion;
- Angola,  $\uparrow$ RM445.3 juta;
- Mozambique,  $\uparrow$ RM433.3 juta; dan
- Tanzania,  $\uparrow$ RM403.9 juta.

Eksport utama ke Afrika adalah keluaran petroleum, minyak sawit, barang makanan diproses, kimia dan bahan kimia dan barang E&E.

### **Peningkatan Eksport Barang Perkilangan**

Pada 2014, eksport barangan perkilangan meningkat 7.1% atau RM39.11 bilion kepada RM587.25 bilion dan menyumbang 76.7% daripada jumlah eksport dalam

tempoh tersebut. Hampir semua eksport barang perkilangan mencatatkan peningkatan.

Eksport barang E&E mengembang 8.1% atau RM19.16 bilion kepada RM256.15 bilion, nilai eksport tertinggi dicatatkan sejak 2008. Ia menyumbang 33.4% daripada jumlah eksport. Pertumbuhan ini didorong oleh permintaan global yang lebih kukuh untuk aplikasi baru semikonduktor dan gelombang teknologi terkini untuk *Internet of Things (IOT)*.

Permintaan yang tinggi bagi barang E&E diterajui oleh litar bersepadu elektronik yang meningkat sebanyak 17.8% kepada RM92.21 bilion dan diikuti oleh:

- alatan pemancar atau penerima suara, imej dan data, meningkat 58.5% kepada RM7.4 bilion;
- komponen diod, transistor, kristal piezoelektrik dan lain-lain semikonduktor, ↑36.9% kepada RM5.34 bilion;
- alat ganti untuk jentera dan perkakas elektrik, ↑500.1% kepada RM1.56 bilion;
- alat ganti dan aksesori untuk televisyen, radio dan peralatan telekomunikasi, ↑30.7% kepada RM4.15 bilion; dan
- semikonduktor fotosensitif, ↑8% kepada RM11.19 bilion.

Pasaran eksport yang mencatatkan peningkatan ketara bagi barang E&E ialah Hong Kong, AS, RRC, Taiwan, Jepun dan Mexico. Pemulihan ekonomi negara-negara maju seperti AS dan EU serta aktiviti perkilangan yang kukuh di ASEAN mendorong peningkatan eksport barang E&E ke pasaran tersebut. Eksport barang E&E ke EU dan ASEAN masing-masing meningkat sebanyak RM4.92 bilion dan RM694.6 juta.

Antara barang perkilangan lain yang menyumbang kepada peningkatan dalam eksport pada 2014 adalah seperti berikut:

- kimia dan bahan kimia, meningkat 8.5% kepada RM51.51 bilion, khususnya alkohol, fenol dan terbitannya;

- jentera, perkakasan dan peralatan, ↑10.9% kepada RM30.01 bilion, khasnya mesin dan peralatan mekanikal untuk industri khusus;
- barangan optik dan saintifik, ↑13.4% kepada RM23.64 bilion, terutamanya instrumen mengawal selia automatik;
- barangan makanan diproses, ↑16.3% kepada RM16.56 bilion;
- barangan besi dan keluli, ↑28.2% kepada RM9.57 bilion;
- keluaran petroleum, ↑2.9% kepada RM70.36 bilion;
- tekstil, pakaian dan kasut, ↑13% kepada RM12.12 bilion;
- barangan perkilangan plastik, ↑11.6% kepada RM11.92 bilion;
- kelengkapan pengangkutan, ↑10% kepada RM10.58 bilion; dan
- barangan kayu, ↑3.9% kepada RM14.72 bilion.

### **Prestasi Eksport Sektor Hasil Galian dan Keluaran Pertanian**

Eksport hasil galian meningkat 6.8% atau RM6.66 bilion kepada RM104.6 bilion berikutan peningkatan eksport LNG dan petroleum mentah, masing-masing naik sebanyak 7.9% dan 6.8%. Harga unit purata bagi LNG meningkat sebanyak 5.5% manakala kuantiti eksport naik 2.3%. Kuantiti eksport bagi petroleum mentah mengembang 9.5% manakala harga unit puratanya mengurang 2.5%.

Eksport keluaran pertanian meningkat secara nominal iaitu sebanyak 0.6% atau RM401 juta kepada RM69.2 bilion. Eksport minyak sawit meningkat 2.3% kepada RM46.95 bilion, disokong oleh peningkatan harga unit purata dan kuantiti eksport masing-masing sebanyak 3.6% dan 5.3%. Eksport getah asli mentah mengurang 34.9% kepada RM4.57 bilion berikutan penurunan harga unit purata dan kuantiti eksport sebanyak 23.6% dan 14.8%.

### **Import pada 2014**

Permintaan yang tinggi bagi barang pengantara untuk tujuan aktiviti perkilangan merupakan faktor utama kepada peningkatan import sebanyak 5.3% kepada RM683.02 bilion.

Tiga kategori import utama mengikut penggunaan akhir adalah:

- Barang pengantara bernilai RM408.38 bilion atau 59.8% daripada jumlah import, meningkat 7.6% berbanding 2013;
- Barang modal (RM96.18 bilion atau 14.1% daripada jumlah import, ↓2.1%); dan
- Barang penggunaan (RM50.32 bilion atau 7.4% daripada jumlah import, ↑5.7%).

Barangan perkilangan merupakan kategori terbesar import iaitu sebanyak 86.3% daripada jumlah import Malaysia. Import utama barangan perkilangan bagi tahun 2014 adalah:

- Barangan E&E, merangkumi 27.9% syer daripada jumlah import Malaysia,
- Keluaran petroleum khasnya keluaran petroleum ditapis, 11.7% syer;
- Kimia dan bahan kimia, 9.1% syer;
- Jentera, perkakasan dan peralatan, 8.4% syer; dan
- Barangan perkilangan logam, 6.1% syer.

RRC merupakan sumber import terbesar, diikuti oleh Singapura, Jepun, AS, Thailand dan Taiwan. Negara-negara ini merangkumi 55.9% daripada jumlah import. ASEAN menyumbang RM175.45 bilion atau 25.7% daripada jumlah import Malaysia pada tahun 2014.

## **B. PRESTASI PADA BULAN DISEMBER 2014**

Jumlah perdagangan Malaysia pada bulan Disember 2014 meningkat 3.4% berbanding tahun lalu kepada RM126.19 bilion. Peningkatan perdagangan dicatatkan dengan:

- AS, meningkat RM1.73 bilion;
- India, ↑RM970.5 juta;

- Belanda, ↑RM792.4 juta;
- Arab Saudi, ↑RM731.8 juta;
- ROK, ↑RM668.8 juta;
- Filipina, ↑RM358.6 juta; dan
- Singapura, ↑RM299.4 juta.

### **Eksport Bulanan Tertinggi Pernah Dicatatkan**

Eksport pada bulan Disember 2014 meningkat 2.7% kepada RM67.69 bilion berbanding bulan yang sama tahun lalu, merupakan nilai eksport bulanan tertinggi yang pernah dicatatkan setakat ini.

Barangan eksport utama yang mencatatkan peningkatan pada bulan Disember 2014 adalah seperti berikut:

- Barangan E&E bernilai RM23.31 bilion, dengan syer 34.4% daripada jumlah eksport, meningkat 14.9% berbanding Disember 2013;
- Gas asli cecair (RM6.34 bilion, 9.4%, ↑12.9%);
- Kimia dan bahan kimia (RM4.71 bilion, 7%, ↑19.3%);
- Kelengkapan pengangkutan (RM1.01 bilion, 1.5%, ↑40.6%); dan
- Barangan makanan diproses (RM1.49 bilion, 2.2%, ↑17.5%)

Import pada Disember 2014 meningkat 4.2% kepada RM58.5 bilion berbanding Disember 2013. Tiga kategori import utama mengikut penggunaan akhir adalah:

- Barang pengantara bernilai RM33.57 bilion atau 57.4% daripada jumlah import, meningkat 11.8%;
- Barang modal (RM9.56 bilion atau 16.3% daripada jumlah import, ↓2.7%); dan
- Barang penggunaan (RM4.58 bilion atau 7.8% daripada jumlah import, ↑4.5%).

Barangan import utama seperti berikut:

- Barangan E&E, bernilai RM16.3 bilion, atau 27.9% daripada jumlah import, meningkat 9.5%;

- Keluaran petroleum (RM6.16 bilion, atau 10.5% daripada jumlah import, ↓14%); dan
- Kimia dan bahan kimia (RM5.06 bilion atau 8.6% daripada jumlah import, ↑9.8%).

Lebihan dagangan sebanyak RM9.19 bilion dicatatkan pada bulan Disember 2014 didorong oleh prestasi eksport yang kukuh. Ini merupakan lebihan dagangan yang ke-206 bulan berturut-turut sejak November 1997.

*Nota:*

*Perlu diambil perhatian bahawa dari segi konsep, angka eksport dan import dalam perangkaan perdagangan luar negeri adalah berbeza daripada apa yang terdapat dalam akaun barang untuk perhitunganimbangan pembayaran. Penyusunan perangkaan perdagangan antarabangsa biasanya dibuat berdasarkan rekod kastam yang mencerminkan pergerakan barang fizikal dari satu sempadan ke sempadan yang lain, dan mengikut garis panduan antarabangsa mengenai konsep-konsep dan definisi-definisi yang tidak selaras sepenuhnya dengan prinsip-prinsip Sistem Akaun Negara (SNA) dan perhitungan Imbalan Pembayaran (BOP). Dalam SNA, barang didefinisikan sebagai “barang fizikal yang ada permintaan dan di mana hak milik boleh dikenal pasti serta hak miliknya boleh dipindahkan dari satu institusi ke institusi lain melalui pasaran”.*

*Ini adalah keluaran awalan, keterangan terperinci akan diterbitkan dalam laporan “PERANGKAAN PERDAGANGAN LUAR NEGERI BULANAN” yang akan dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, untuk kegunaan umum pada jam 1200, Khamis, 5 Februari 2015.*

- + Laporan ini boleh diakses daripada Laman Web Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (<http://www.miti.gov.my>) dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (<http://www.matrade.gov.my>).
- # Data bulan Disember 2014 adalah provisional dan tertakluk kepada semakan/pindaan dalam keluaran berikutnya.

## JADUAL 1: RINGKASAN PERDAGANGAN LUAR MALAYSIA

Tahun/ Tempoh	<u>Jumlah Eksport (RM Juta)</u>	<u>Jumlah Import (RM Juta)</u>	<u>Imbangan Perdagangan (RM Juta)</u>	<u>Jumlah Perdagangan (RM Juta)</u>
<b>2013<sup>f</sup></b>				
Januari	57,080.0	53,724.6	3,355.4	110,804.6
Februari	52,493.3	44,254.8	8,238.5	96,748.1
Mac	60,049.4	55,111.5	4,937.9	115,160.9
April	55,836.6	54,771.3	1,065.3	110,607.8
Mei	55,656.7	52,922.5	2,734.2	108,579.2
Jun	56,648.8	52,423.2	4,225.6	109,072.1
Julai	60,629.6	57,864.0	2,765.6	118,493.6
Ogos	62,795.9	55,788.8	7,007.2	118,584.7
September	63,283.5	54,599.3	8,684.2	117,882.8
Oktober	67,193.6	58,561.7	8,631.9	125,755.3
November	62,408.6	52,523.6	9,885.0	114,932.1
<b>Disember</b>	<b>65,916.3</b>	<b>56,149.8</b>	<b>9,766.6</b>	<b>122,066.1</b>
<b>2013<sup>f</sup></b>	<b>719,992.4</b>	<b>648,694.9</b>	<b>71,297.5</b>	<b>1,368,687.3</b>
<b>2014<sup>p</sup></b>				
Januari	63,973.9	57,618.8	6,355.1	121,592.8
Februari	58,912.2	48,475.5	10,436.8	107,387.7
Mac	64,963.9	55,434.5	9,529.4	120,398.5
April	66,239.5	57,497.2	8,742.3	123,736.7
Mei	64,817.7	59,172.3	5,645.4	123,990.0
Jun	61,225.6	57,120.6	4,105.0	118,346.2
Julai	61,118.4	57,479.8	3,638.5	118,598.2
Ogos	63,881.8	60,019.8	3,862.0	123,901.6
September	64,523.9	55,194.1	9,329.8	119,718.0
Oktober	65,051.9	63,904.0	1,147.8	128,955.9
November	63,727.3	52,600.4	11,126.9	116,327.7
<b>Disember</b>	<b>67,692.4</b>	<b>58,499.1</b>	<b>9,193.3</b>	<b>126,191.6</b>
<b>2014<sup>p</sup></b>	<b>766,128.5</b>	<b>683,016.3</b>	<b>83,112.2</b>	<b>1,449,144.8</b>

**JADUAL 2: BARANGAN UTAMA EKSPORT (JANUARI-DISEMBER)**

Barangan	Jan-Dis 2014 <sup>p</sup>	Jan-Dis 2013 <sup>f</sup>
	RM Juta	RM Juta
<b>Jumlah Eksport</b>	<b>766,128.5</b>	<b>719,992.4</b>
Barangan E&E	256,145.0	236,981.8
Keluaran Petroleum	70,356.8	68,369.2
LNG	64,288.9	59,567.0
Kimia & Bahan Kimia	51,509.2	47,470.1
Minyak Sawit (minyak sawit mentah; <i>fractionated palm oil</i> ; isirong, olein dan stearin minyak sawit)	46,953.3	45,916.3
Petroleum Mentah	33,790.1	31,642.9
Jentera, Perkakasan & Peralatan	30,010.9	27,068.3
Barangan Perkilangan Logam	26,451.1	28,164.3
Barangan Optik & Saintifik	23,639.3	20,836.7
Keluaran Getah	18,004.4	18,943.1

**JADUAL 3: PASARAN UTAMA EKSPORT (JANUARI-DISEMBER)**

Pasaran	Jan-Dis 2014 <sup>p</sup>	Jan-Dis 2013 <sup>f</sup>
	RM Juta	RM Juta
<b>Jumlah Eksport</b>	<b>766,128.5</b>	<b>719,992.4</b>
Singapura	108,838.9	100,256.6
RRC	92,347.6	97,043.0
Jepun	82,708.9	79,196.7
AS	64,412.8	58,054.9
Thailand	40,271.9	39,923.3
Hong Kong	37,020.9	31,251.1
Australia	32,970.2	29,225.1
India	31,896.6	25,735.1
Indonesia	31,757.8	33,110.4
ROK	28,061.2	26,199.2

**JADUAL 4: BARANGAN UTAMA ESKPORT**

Barangan	Disember 2014 <sup>p</sup>	November 2014 <sup>p</sup>	Disember 2013 <sup>f</sup>
	RM Juta	RM Juta	RM Juta

<b>Jumlah Eksport</b>	<b>67,692.4</b>	<b>63,727.3</b>	<b>65,916.3</b>
Barangan E&E	23,312.3	22,977.7	20,292.3
LNG	6,335.8	5,210.2	5,611.1
Keluaran Petroleum	5,394.4	4,751.8	8,184.1
Kimia & Bahan Kimia	4,714.9	4,282.5	3,952.3
Minyak Sawit (minyak sawit mentah; <i>fractionated palm oil</i> ; isirong, olein dan stearin minyak sawit)	3,869.0	3,435.6	4,145.6
Barangan Perkilangan Logam	2,834.5	2,320.2	2,539.6
Jentera, Perkakasan & Peralatan	2,707.1	2,460.6	2,580.7
Petroleum Mentah	2,325.9	2,811.4	3,617.6
Barangan Optik & Saintifik	1,917.1	1,915.5	1,849.2
Keluaran Getah	1,549.6	1,540.6	1,642.6

#### **JADUAL 5: PASARAN UTAMA EKSPORT**

Pasaran	Disember 2014 <sup>p</sup>	November 2014 <sup>p</sup>	Disember 2013 <sup>f</sup>
	RM Juta	RM Juta	RM Juta
<b>Jumlah Eksport</b>	<b>67,692.4</b>	<b>63,727.3</b>	<b>65,916.3</b>
Singapura	9,539.4	8,900.9	9,016.2
RRC	8,800.4	8,522.4	10,344.4
Jepun	7,042.7	7,510.5	6,982.0
AS	6,103.7	5,556.6	4,767.8
Thailand	3,356.8	3,573.6	3,358.7
ROK	3,265.0	1,735.9	2,302.1
Hong Kong	3,185.0	3,005.4	3,149.1
India	2,845.3	2,492.5	2,401.2
Belanda	2,273.6	2,224.5	1,719.5
Indonesia	2,256.8	2,697.1	3,219.3

**JADUAL 6: BARANGAN UTAMA IMPORT (JANUARI-DISEMBER)**

Barangan	Jan-Dis 2014 <sup>p</sup>	Jan-Dis 2013 <sup>f</sup>
	RM Juta	RM Juta
<b>Jumlah Import</b>	<b>683,016.3</b>	<b>648,694.9</b>
Barangan E&E	190,756.5	179,616.5
Keluaran Petroleum	80,044.9	73,652.8
Kimia & Bahan Kimia	62,137.0	55,872.9
Jentera, Perkakasan & Peralatan	57,098.0	54,571.5
Barangan Perkilangan Logam	41,726.6	40,672.4
Kelengkapan Pengangkutan	37,762.0	42,089.9
Barangan Besi & Keluli	25,304.1	26,085.8
Petroleum Mentah	24,994.3	21,873.1
Barangan Optik & Saintifik	20,964.7	17,657.8
Barangan Makanan Diproses	16,979.1	15,578.4

**JADUAL 7: PASARAN UTAMA IMPORT (JANUARI-DISEMBER)**

Pasaran	Jan-Dis 2014 <sup>p</sup>	Jan-Dis 2013 <sup>f</sup>
	RM Juta	RM Juta
<b>Jumlah Import</b>	<b>683,016.3</b>	<b>648,694.9</b>
RRC	115,503.4	106,264.8
Singapura	85,683.9	80,249.2
Jepun	54,745.1	56,359.9
AS	52,332.5	50,682.4
Thailand	39,648.1	38,632.5
Taiwan	34,364.1	31,530.3
ROK	31,699.6	30,653.0
Indonesia	27,721.9	27,943.8
Jerman	23,161.3	22,912.1
Australia	20,228.1	16,491.9

## JADUAL 8: BARANGAN UTAMA IMPORT

Barangan	Disember 2014 <sup>p</sup>	November 2014 <sup>p</sup>	Disember 2013 <sup>f</sup>
	RM Juta	RM Juta	RM Juta
<b>Jumlah Import</b>	<b>58,499.1</b>	<b>52,600.4</b>	<b>56,149.8</b>
Barangan E&E	16,304.6	15,366.0	14,896.1
Keluaran Petroleum	6,161.6	4,629.9	7,167.0
Kimia & Bahan Kimia	5,057.4	5,084.5	4,606.6
Jentera, Perkakasan & Peralatan	4,994.0	4,506.9	4,667.3
Barangan Perkilangan Logam	4,282.5	3,895.6	2,720.8
Kelengkapan Pengangkutan	3,686.8	2,955.8	5,199.6
Barangan Besi & Keluli	2,116.3	1,759.7	2,141.3
Barangan Optik & Saintifik	2,030.0	1,816.8	1,662.0
Barangan Makanan Diproses	1,413.8	1,320.8	1,240.1
Petroleum Mentah	1,271.4	1,560.1	1,189.7

## JADUAL 9: PASARAN UTAMA IMPORT

Pasaran	Disember 2014 <sup>p</sup>	November 2014 <sup>p</sup>	Disember 2013 <sup>f</sup>
	RM Juta	RM Juta	RM Juta
<b>Jumlah Import</b>	<b>58,499.1</b>	<b>52,600.4</b>	<b>56,149.8</b>
RRC	10,961.1	9,854.0	9,292.3
Singapura	6,911.3	6,027.2	7,135.2
AS	4,843.1	4,000.4	4,445.2
Jepun	4,553.4	4,147.4	4,604.7
Thailand	3,552.2	3,296.6	3,480.1
Taiwan	2,916.0	2,785.2	2,950.1
ROK	2,528.9	2,239.5	2,823.1
Indonesia	2,497.1	2,043.6	2,394.5
Jerman	1,945.3	1,807.5	1,704.6
Australia	1,609.7	1,630.0	1,215.7

Sumber : Jabatan Perangkaan, Malaysia

Jadual ini disediakan oleh: MATRADE

Nota :

p – data provisional

f – data muktamad

CARTA 1: PERDAGANGAN LUAR MALAYSIA BULANAN, 2007-2014

